

BERITA HARIAN

Ratu

Rentak Aliran Terkini Untukmu

R1

Isnin
14 Mei 2012





Tusukkan cantik

Inovasi akupuntur antara cara alternatif serlah seri wajah

B/A 14/5/12 MS 1

► Oleh Hidayah Mohammad
hidayah@bharian.com.my

'BERKORBAN apa saja'. Demi cantik dan sihat, apa saja rawatan walaupun ia mengerikan sanggup dilalui. Harga mahal pun tidak dihirau asal saja ia memenuhi naluri hati.

Apa yang penting perlu ada kekuatan minda, hilangkan trauma dan fobia. Akupuntur, umpamanya, terkenal sebagai kaedah rawatan pelbagai jenis penyakit, namun ia juga mampu meningkatkan aura kejelitaan seseorang, meskipun tusukan jarum pada bahagian tertentu tubuh, agak menyakitkan dan

ada kalanya darah halus mengalir keluar.

Malah, kemunculan pelbagai kaedah rawatan kecantikan menggunakan teknologi moden, sejak kebelakangan ini, sebenarnya tidak menggugat kepopularan akupuntur menjadi antara alternatif merawat kecantikan wajah dan tubuh individu.

Akupuntur atau *Acupuncture* yang berasal daripada bahasa Latin bermaksud tusukan benda tajam, iaitu gabungan dua perkataan iaitu *Acu* bermaksud benda tajam manakala *puncture* bererti tusukan.

>> R2



►► Dr Nik Fairus Hakim menunjukkan titik akupunktur pada seluruh tubuh dan wajah yang mendapat pengesahan WHO untuk salah satu teknik rawatan kecantikan wajah.



MOHD AZHEN JAMALUDIN | BERITA HARIAN

★ INFO

Sejarah akupunktur

- Diamalkan di seluruh dunia sejak 4,000 tahun lalu.
- Bukti perubatan akupunktur terawal boleh didapati di dalam buku *Huang ti Nei Jing* dan *Sue wen*, iaitu mencatatkan perbualan atau perbincangan yang hebat mengenai kaedah rawatan berkenaan.
- Di Malaysia, pada awalnya diamalkan masyarakat Cina yang dibawa saudagar China dan mengamalkannya, pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.
- Akupunktur kalangan orang Melayu, dipercayai dipopularkan oleh Prof Dr Nik Omar, sekitar 1975, yang juga bapa kepada Dr Nik Fairus Hakim.
- Dr Nik Omar, mula mempelajari kaedah akupunktur dan kemudian menyebarkan kebaikan rawatan berkenaan di kalangan masyarakat Melayu sehingga mula diterima hingga ke hari ini.
- Kini akupunktur sudah diterima pakai di Barat secara meluas. Di Amerika saja, ada lebih 18,000 pengamal akupunktur berdaftar.

'Rangsang penyembuhan secara semula jadi'

B/A 14/5/12
MS 2.

Teknik akupunktur

<< R1
Apatah lagi kaedah rawatan itu pula menggunakan benda tajam

pula menggunakan benda tajam seperti buluh, besi, tembaga, emas, kayu, jarum atau benda tajam lain yang ditusuk pada tubuh manusia, mungkin agak menyakitkan, namun ia tetap sesuai dan selamat digunakan.

Pakar rawatan kaedah akupunktur, Dr Nik Fairus Hakim Nik Omar, berkata akupunktur adalah rawatan luaran yang membangkitkan dan menyerlahkan kecantikan dalaman seseorang.

Kaedah ini dipercayai boleh merawat sistem dalam badan untuk menstabilkan Qi (disebut sebagai chee) iaitu kuasa penyembuhan tenaga secara semula jadi dalam tubuh seterusnya membetulkan sistem dan memberikan kecantikan dari dalam.

Katanya, untuk rawatan kecantikan wajah, akupunktur boleh membantu melewati proses penuaan, mengelak kedutan kulit dan mengatasi isi wajah jatuh.

"Rawatan dijalankan dengan mengenal pasti titik akupunktur di sekitar wajah, iaitu tusukan jarum bersaiz kecil dicucuk pada bahagian tepi kelopak mata, kedua-dua tepi hidung, satu di tengah dagu, kedua-dua tepi bibir. Selain itu, satu dicucuk di bahagian dahi iaitu tengah-tengah antara kening dengan dua di atas dahi supaya rawatan lebih seimbang secara keseluruhannya.

"Rawatan ini juga boleh membantu menyelesaikan masalah individu yang mempunyai berat badan disebabkan lemak berlebihan, perut buncit, merawat kulit badan berkedut, selulit dan sebagainya.



"Rawatan pada tubuh badan atau bahagian tertentu dilakukan di paha, lengan, kaki, betis, perut termasuk bahagian muka. Benda tajam ditusuk pada bahagian badan sebagai fungsi kesihatan, ia juga boleh mencantikkan kulit," katanya ketika

“

Rawatan ini juga boleh membantu menyelesaikan masalah individu yang mempunyai berat badan disebabkan lemak berlebihan, perut buncit, merawat kulit badan berkedut, selulit dan sebagainya”

Dr Nik Fairus Hakim

Pakar rawatan kaedah akupunktur




▶▶ Titik akupunktur di seluruh tubuh dan wajah.

ditemui di kliniknya, Pusat Rawatan Homeopathy & Akupunktur di Shah Alam, baru-baru ini.

Teknik kecantikan hampir sama dengan rawatan kesihatan, cuma titik itu mungkin sedikit berbeza dari segi keperluannya. Rawatan akupunktur dilihat menggunakan jarum dengan kaedah penyelitan jarum halus secara perlahan ke dalam kawasan titik tertentu pada tubuh.

Bagi rawatan itu, akupunktur mempunyai lebih kurang 360 titik, iaitu diletak dalam 14 kumpulan atau meridian. Kesemua titik berkenaan diiktiraf Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), pada 2003 sebagai titik akupunktur.



Dr Nik Fairus Hakim berkata, pelbagai kaedah mengenal pasti titik, antaranya menggunakan *cun* atau ukuran dalam badan manusia yang mempunyai ukuran berbeza bergantung saiz badan, selain tulang dan bentuk tubuh manusia.

"Ia juga dikenal pasti dengan menggunakan sejenis alat dipanggil *cunometer* atau pada zaman moden ini sudah diciptakan sejenis alat *Acupuncture Detector*," katanya yang boleh digunakan untuk merawat semua penyakit.

Antara penyakit termasuk *trigeminal neuralgia* (sakit pada bahagian muka), *bellpalsy*, lumpuh, buah pinggang, gaut, angin ahmar, *rheumatism*, tinnitus, migrain, sakit saraf, lenguh pinggang dan sakit kepala. Selain itu, gemuruh, berdebar, kesan daripada kecederaan, fibroid, kesuburan, kencing manis, darah tinggi dan pelbagai lagi penyakit lain.

Ditanya kebaikannya, Dr Nik Fairus Hakim berkata, akupunktur banyak kebaikan berbanding teknik pembedahan, pengambilan pil suplemen dan sebagainya kerana tidak perlu diambil berterusan serta

tidak menggunakan bahan kimia yang membahayakan kesihatan.

"Akupunktur tidak mempunyai sebarang kesan sampingan kerana tidak menggunakan sebarang bahan yang meragukan. Teknik ini juga halal dari sudut pandangan Islam dan kos rawatan sangat murah berbanding kaedah lain," katanya.

■ Kaedah penyelitan jarum halus secara perlahan ke dalam kawasan atau titik tertentu pada tubuh badan untuk merangsang pengaliran Qi (disebut sebagai chee) iaitu kuasa penyembuhan tenaga secara semula jadi.

■ Selain menyelitkan jarum akupunktur, doktor mungkin memilih menggunakan kaedah akupunktur menahan untuk merangsang pada masa yang lama atau panjang atau mungkin menggunakan haba.

■ Teknik penggunaan haba dikenali sebagai *moxibustion* dan penggunaan tenaga elektrik dipanggil *electrostimulation*.

■ Jarum akupunktur digunakan mesti disterilkan dan jenis pakai buang

■ Bebas daripada sebarang penggunaan dadah.

■ Perlu maklumkan kepada doktor, jika mengambil sebarang ubat atau mengandungi sebarang rawatan dijalankan.

■ Jika seseorang menggunakan pengatur denyut jantung dan kosmetik implan, ia harus maklumkan kepada doktor. Akupunktur selalunya digunakan bersama dengan ubat-ubatan lain untuk menambahkan keberkesannya. Ia digunakan untuk mengawal kesakitan selepas perubatan dan prosedur perigian dijalankan.

■ Diguna untuk meningkatkan tahap kesihatan serta menggalakkan penyembuhan dan mengurangkan kesan sampingan kebanyakan jenis dadah termasuk *chemotherapy*.